

Meniti Jejantas Nasionalis-Islam dan Nasionalis-Sekular (Sekilas Biografi Mas Mansur 1896 - 1946)

H. HAIKAL

Dan janganlah kita hanya memimpikan kemenangan dengan tidak berjuang, mengharap kesenangan dengan tidak bersusah payah dahulu, meminta keuntungan dengan tidak menaruh modal dan mencita-citakan kejayaan tapi takut melepaskan jiwa. (Mas Mansur)

PENGANTAR

Pada permulaan abad XX, faham pembaharuan Islam (*tajdid*) tidak hanya menyentuh bahkan mulai berakar dalam masyarakat muslimin Indonesia, terutama di kalangan golongan menengahnya. Pada akar umbinya, yang tampil membidani lahirnya gerakan *tajdid* adalah *syaiikhul Islam* Ahmad Taqiudin Ibn Taimiyah, tapi yang berjaya menghidupkan adalah Muhammad Ibn Abdulwahab, dengan gerakan Wahabinya. Sedang yang membesarkan adalah Jamaluddin al Afghani (1838-1897), bersama sahabat dan muridnya Muhammad Abduh (1849-1905) dan kemudian disebarkan oleh Rashid Ridha. Di Indonesia ide pembaharuan bermula dengan lahirnya gerakan kaum paderi di Sumatera Barat; tetapi secara organisasi moden baharu tampil dengan lahirnya gerakan Jamiat Khair.¹

Ide pembaharuan Islam makin terasa gemanya di Indonesia dengan berdirinya Muhammadiyah, al Irsyad, dan Persis (Persatuan Islam), serta SI (Sarekat Islam). Tiga yang pertama merupakan gerakan yang berkecimpung dalam bidang sosial keagamaan, sedang yang terakhir bercorak politik. Sentuhan *tajdid* Islam setidaknya membawa pengaruh yang besar nasionalis-Islam², dan bangsa Indonesia pada umumnya. Gerakan *tajdid* mempunyai andil yang tak terkira besarnya dalam memantapkan serta melempangkan pergerakan kebangsaan menuju Indonesia merdeka yang sejak mula lebih didominasi nasionalis-sekular yang dipelopori Sukarno.³

G.F. Pijper dengan tepat telah menggambarkan kehidupan Indonesia hingga dua dekad awal abad ini sebagai:

... sebuah kolam yang tenang yang permukaannya airnya sekali-sekali sahaja beriak. Kurang lebih dua puluh tahun kemudian segalanya berubah: iaitu tidak lagi merupakan kolam yang tenang, namun telah berubah menjadi suatu aliran sungai yang sewaktu-waktu meluap. Bangsa Indonesia telah bangun dan di dalam bidang kebudayaan, politik dan keagamaan bertiup angin baharu.⁴

KELUARGA DAN PENDIDIKAN MAS MANSUR

Mas Mansur lahir dan dibesarkan dari keluarga santri. Beliau dilahirkan pada Khamis, 25 Jun 1896 di Kampung Sawahan, sekarang dikenal sebagai Kampung Baharu Nur Anwar, Surabaya. Ayahnya adalah Kiai Mas Marzuqi⁵ yang berasal dari keluarga Pesantren Sidoresmo Surabaya, dan ibunya bernama Raulah.

Sebagai ulama yang sangat terkenal, terutama di Jawa Timur dan Madura, Kiai Marzuqi bersahabat baik dengan K.H.A. Dahlan. Hal ini terungkap dalam pertemuan pertama kali antara Mas Mansur, dengan penubuh Muhammadiyah ketika beliau singgah di Yogyakarta sekembalinya dari Mesir pada 1915. Pada masa itu Mas Mansur baharu berumur sekitar 19 tahun. Beliau menuliskan peristiwa tersebut dengan penuh keharuan, seperti tergambar dalam huraian berikut,

Waktu itulah saya datang kepada beliau [K.H.A. Dahlan] dan memperkenalkan diri. Baharu sahaja berkenalan, hati [saya] tertarik, baharu sahaja keluar kata lemah lembut dari hati yang ikhlas, hati [saya] pun tunduk. Waktu itu terasa pada saya bahawa ada pula kiranya saya berayah di Yogyakarta. Ketika itu beliau terangkan bahawa beliau sangat kenal dan bersahabat dengan ayah saya. Katanya kalau beliau ke Surabaya, beliau tinggal di rumah Kyai Habib, tempat pertemuan kyai-kyai. Di sanalah beliau kerap kali bercakap-cakap lama dengan ayah saya memperbincangkan soal-soal agama.⁶

Lingkungan hidup yang bercirikan agama telah mewarnai watak Mas Mansur sejak kecil. Oleh teman-teman sebayanya, Mas Mansur dikenal sebagai anak yang rajin, suka menepati janji, serta memiliki tutur kata yang tenang, hemat, dan berwawasan luas. Sejak kanak-kanak watak kepemimpinan Mas Mansur telah mulai menonjol.⁷

Sebagai seorang kiai yang terkenal Kiai Marzuki nampak sekali berharap agar Mas Mansur melanjutkan profesion ulama yang lama telah diceburi keluarganya. Dengan tekun serta penuh rasa kasih sayangnya, Mas Mansur dididik sendiri oleh ayahnya. Kemudian, agar lebih memperluas wawasannya,

dia dikirimkan ke Bangkalan, Madura. Di sini Mas Mansur, yang baharu berusia 10 tahun, berguru dengan Kiai Khalil, seorang ulama yang masyhur pada masa itu.

Dalam waktu dua tahun, nampaknya Mas Mansur dapat membekali dirinya dengan baik, sehingga dinilai mampu oleh ayahnya untuk berangkat menunaikan ibadah haji dan melanjutkan studi di Mekkah al-Mukarramah. Sebagai seorang belia yang cergas, Mas Mansur segera menunaikan ibadah haji, tetapi malangnya tidak jadi melanjutkan pengajiannya lantaran keadaan di Mekkah pada waktu itu tidak menentu dan kurang selesa untuk rencana pengajiannya. Untuk membolehkannya belajar dengan tenang, beliau kemudian melanjutkan pengajian di Al Azhar, Kairo.⁸

Nampaknya selama di Mekkah dapat dikatakan Mas Mansur beroleh kesempatan bergaul dengan pelbagai jemaah haji dari manca negara. Ibadah haji beserta dengan pendidikan yang diperolehi Mas Mansur selama di Azhar, telah memberikan wawasan tersendiri bagi calon pemimpin agama dan bangsa ini. Hal ini nampaknya sejalan dengan apa yang dikemukakan Ziemek dalam disertasinya:

.. dampak modernisasi dengan cepat telah mencapai kepulauan Nusantara yang terjajah lewat para mahasiswa Universitas Al Azhar dan jemaah Haji serta telah menggerakkan kegiatan pendidikan reformasi Islam (Muhammadiyah).⁹

Ide pembaharuan Islam secara utuh dikenal Mas Mansur selama belajar di Kairo. Tambahan lagi tokoh ini juga menyaksikan sendiri dari dekat saat tumbuhnya nasionalisme Mesir dewasa itu. Nasionalisme Mesir, yang merupakan sebahagian dari nasionalisme Arab yang dijiwai Islam, tengah mencuba melepaskan tanahairnya dari penjajahan Inggeris.

Its [Arab nationalism] early manifestations in the 1870s were revived interest in the Arabic classics and research in Islamic history. A consciousness of the past glory of the Moslem empire and of the brilliant cultural achievements of the Arabs suggested a future possibility. Political awakening came in the wake of intellectual awakening. Political passivity gave way to political activity; ... Everywhere the movement fed upon resistance to Western imperialism.¹⁰

Salah satu manifestasi gerakan nasional yang berwarna Islam ini terwujud dalam gerakan bersenjata yang dipimpin oleh Ahmad 'Urabi (1836-1911). Gerakan 'Urabi mempunyai akar yang cukup kuat, kerana pendidikan dan keperibadian khas tokoh ini, seperti terlihat dalam kutipan berikut ini:

Colonel 'Urabi received his early education in al-Azhar for four years. In the course of his studies at al Azhar, he learned classical Arabic, memorized the entire Qur'an, and studied the Shari'a. His second education was at a military school. In his meeting with supporters on July 22, 1882, he found the majority of his supporters were Azharite shaykhs ..."

Sayangnya gerakan ini belum berhasil sebagaimana yang diharapkan. Sekalipun demikian, kesan gerakan ini cukup besar bagi jalan sejarah Mesir berikutnya. Akibatnya, gerakan bersenjata yang kurang memberikan hasil yang bererti menjadi usang, tidak diamalkan lagi.

Ini adalah pemberontakan tentera yang penghabisan terhadap pemerintah. Pada masa-masa berikutnya, keadaan berubah dari buruk menjadi lebih buruk, ... akhirnya tentera Inggeris campur tangan dan menumpas dan mengakhiri peranan 'Urabi.

Kekalahan 'Urabi sebenarnya menentukan jalannya sejarah Mesir selanjutnya untuk [masa] kurang lebih setengah abad lamanya.¹²

Kegagalan gerakan bersenjata di Mesir ini, sangat merugikan umat Islam. Belajar dari kes ini, kaum Muslimin setempat mengambil sikap baharu dalam upaya memerdekakan tanahair yang mereka cintai dari cengkaman Barat. Sedar akan akibat fatal gerakan bersenjata, mereka kemudian melakukan gerakan secara politik yang masih dimungkinkan berdasarkan hukum yang berlaku. Mereka turut mendirikan organisasi-organisasi secara moden.

Penyaksian dan penghayatan Mas Mansur terhadap gerakan nasionalisme Mesir yang berjiwa Islam, kemudian makin mengendap dalam benak dan hatinya. Hal itu terjadi kerana ia dapat dikaitkan dengan keadaan tanahairnya Indonesia yang masih dijajah Belanda. Wajarlah sejak saat itu Mas Mansur turut aktif dalam gerakan mahasiswa Indonesia di Mesir. Benih anti-penjajahan Belanda yang mulai disemaikan di kalangan orang tua dan para kiainya selama di Indonesia, makin tumbuh secara kukuh selama Mas Mansur di Mekah dan lebih-lebih lagi selama di Mesir.

Semangat anti penjajahan ini telah berkembang dengan cepat di kalangan pelajar Melayu yang belajar di Asia Barat terutamanya di Mesir dan Hejaz. Sebagai pelajar yang cergas, umumnya mereka berjaya membakar semangat mereka untuk melakukan berbagai perubahan secara rasional menghadapi kuasa Barat di negeri sendiri.

.Malay-Arabs, peninsular Malays, Sumatrans from Minangkabau, and others, returning from sojourns in Cairo and the Hejaz, brought with them a burning desire to renovate Islam in their own society and to make it a fit vehicle with which to respond to the social and economic challenges posed by alien domination.¹³

DETIK-DETIK PERJUANGAN MAS MANSUR

Huraian pendidikan Mas Mansur di Mesir, akan mempermudah pemahaman sesiapa mengenai peranannya yang makin mencuat sebagai tokoh teladan dan pimpinan di Indonesia, baik di kalangan nasionalis-Islam mahupun nasionalis-sekular. Sesampainya di Indonesia Mas Mansur segera mendaftarkan diri sebagai anggota Sarekat Islam, (S.I.) pimpinan H.O.S. Tjokroaminoto.¹⁴ Waktu itu SI dikenal sangat radikal dan revolusioner kerana berjaya memadukan nilai Islam yang moden dengan unsur politik yang terwujud dalam bentuk nasionalisme-Islam. Hal ini nampak jelas dari tujuan yang ingin dicapai Sarekat Islam, yang berusaha memajukan Islam dan sekaligus pula memperjuangkan kemerdekaan.

Selain aktif di SI, sejak 1913 Mas Mansur lebih dikenal sebagai juru dakwah. Ini nampak dari langkah pertama yang dilakukannya dengan menjalin hubungan yang akrab dengan para ulama yang sebaya dengan umurnya. Salah seorang daripada mereka adalah teman belajarnya di Timur Tengah, Abdul Wahab. Pada tahun 1914 mereka berdua membentuk forum diskusi yang diberi nama **Taswirul Afkar** (Potret Pemikiran). Tentang hal ini selanjutnya dapat dikaji dari huraian Soebagijo: "Pengajian itu dinamakan *Taswirul Afkar* suatu perkumpulan untuk bertukar fikiran atau diskusi. Barang tentu yang dibahas adalah masalah-masalah agama, soal dakwah, urusan sosial dan segala sesuatu yang ada kaitannya dengan peribadatan".¹⁵

Taswirul Afkar dipimpin oleh tiga serangkai ulama muda yang cukup berbakat, iaitu Abdul Wahab, Mas Mansur, dan Ridhwan. Mereka yang aktif dalam pengajian tersebut tidak merasa puas sekedar mendiskusikan ajaran Islam sahaja, tetapi ingin segera untuk diamalkan. Mereka membuat kelompok kerja yang disebut sebagai *Nahdlatul Wathan* (Kebangkitan Tanah Air), dengan program utamanya bidang pendidikan. Untuk mewujudkan tujuan tadi mereka segera mendirikan madrasah *Khitabul Wathan* (Mimbar Tanah Air) yang dipimpin oleh Abdul Wahab dan Mas Mansur.

Sekalipun bekerjasama dengan baik, antara Abdul Wahab dan Mas Mansur sering terbabit dalam pelbagai diskusi yang cukup hangat, kerana keduanya mempunyai perbezaan pandangan yang cukup tajam.¹⁶ Abdul Wahab nampaknya cenderung kepada pendapat para ulama pesantren yang tradisional, sementara Mas Mansur cenderung kepada ide pembaharuan yang disuarakan Muhammadiyah. Sebagai langkah berikutnya, Mas Mansur

mengundurkan diri dari segala kegiatan di *Taswirul Afkar*, *Nahdlatul Wathan*¹⁷ dan *Khitabul Wathan*. Nampaknya sepeninggalan Mas Mansur, tak terdengar lagi pelbagai kegiatan yang bererti dari pengajian dan madrasah di atas.

Kemudian Mas Mansur, menggabungkan diri di dalam Muhammadiyah¹⁸ dan sangat aktif dalam pertubuhan itu. Untuk menyebarkan ide-ide pembaharuan Islam, Mas Mansur mendirikan madrasah *Hizbul Wathan*, yang bererti Tentera Tanah Air. Pada 1 November 1921, berdirilah Cawangan Muhammadiyah Surabaya dan Mas Mansur menjadi salah seorang anggota pengurusnya,¹⁹ disamping Pakih Hasyim, seorang ulama dari Sumatera Barat. Secara bertahap, Mas Mansur tampil sebagai tokoh yang makin menonjol dalam Muhammadiyah.

Pertemuan tokoh ini dengan Dokter Soetomo pada tahun 1923, nampaknya merupakan bermulanya keterlibatan serius Mas Mansur dengan kaum nasionalis-sekular. Sering berlangsung dialog yang cukup intensif antara dua tokoh ini di rumah pendiri Budi Utomo²⁰ di Jalan Palmenlaan, yang kadangkala berlangsung sampai pukul dua atau tiga pagi. Memang antara keduanya sering terjadi perbezaan pendapat, seperti misalnya dalam filsafat ketuhanan yang dianuti Dokter Soetomo. Tetapi perbezaan pendapat ini tidak mengganggu persahabatan keduanya.

Selain itu Mas Mansur berjaya mengajak Dokter Soetomo untuk menjadi penasihat perubatan kepada Muhammadiyah. Atas saranan Dokter Soetomo kelahiran rumah ubat, klinik, poliklinik serta yang sejenisnya bagi Muhammadiyah telah dipercepat. Kelebihan peribadi dan peranan Dokter Soetomo dalam Muhammadiyah nampaknya dikenang Mas Mansur seperti terlihat dalam tulisannya yang bertajuk: "Biografi Dokter Soetomo [Yang] Masih Tersembunyi", yang tersiar dalam *Penganjur*, No. 5, Th. II, Julai 1938:

*Semenjak tahun 1925 Dokter Soetomo itu menjadi medische adviseur dalam kalangan Muhammadiyah. Berdirinya rumah obat, klinik dan poliklinik, serta adanya dokter-dokter Muhammadiyah, semuanya itu adalah buah advies beliau belaka. Dari itu segala grup dan cawangan Muhammadiyah seluruh Indonesia, terutama hoofdbestuur [pimpinan pusat]nya berduka cita sangat atas kematian beliau itu. Mudah-mudahan kiranya segala jasa beliau dibalas Tuhan kemudian. Amien.*²¹

Pada tahun 1926, Mas Mansur, sebagai wakil Muhammadiyah, dan H.O.S. Tjokroaminoto,²² wakil Sarekat Islam, telah terpilih sebagai utusan Kongres al Islam Hindia Timur di Mekkah yang memenuhi undangan Raja Ibn Saud. Raja Ibn Saud pada 1924 baharu sahaja muncul sebagai pemenang dalam percaturan kekuasaan di Saudi Arabia. Untuk lebih mengukuhkan kekuasaannya, dia berusaha mengadakan kongres khilafah yang

diselenggarakan pada 1 Jun 1926 di Mekkah. Untuk itu dia mengundang para pemimpin Islam di seluruh dunia. Peristiwa tersebut nampak begitu dikenang oleh Mas Mansur, tetapi lebih dirasakan lagi beratnya beban amanat yang harus dipikulnya:

Pada tahun 1926 yang telah lalu, dunia Islam pernah mengadakan kongres bertempat di tanah suci Mekkah. Tiada ketinggalan perhimpunan kita Islam sama membentuk badan persatuan yang bernama Mu'tamar 'Alam Islam Hindia Syargiyyah. Badan mana mengutus mendatangi akan ajakan kongres dunia Islam yang bertempat di pusat kelahiran Islam yang terkenal itu ialah di Mekkah. Salah satu utusan dari umat Islam Indonesia, ialah diri saya (H.M. Mansoer) dengan Almarhum J.M. H.O.S. Tjokroaminoto.

Dalam penutup Kongres di Mekkah tadi terasalah berat tanggungan kita, menerima amanat yang penti g, tetapi masih sulit pula diamalkannya dalam 'alam Islam Indonesia'.²³

Pengiriman dua tokoh ini makin menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ulama tradisional. Inilah yang menjadi sebab langsung kaum tradisional ini kemudian mendirikan NU, Nahdhatul Ulama (Kebangkitan Ulama).²⁴ Sejak lama rasa tidak puas hati telah menghinggapi kaum tradisional kerana Muhammadiyah, al Irsyad dan Persis makin berjaya melebarkan sayapnya. Fahaman gerakan pembaharu tadi makin mudah diterima masyarakat Muslim walaupun para pembaharu tadi beroleh label-label negatif, seperti dituduh menyimpang dari Islam dan sebagainya. Tambahan lagi pengaruh Muhammadiyah makin berakar di Jawa Timur. Bahkan dengan masuknya Mas Mansur ke dalam Muhammadiyah, Surabaya yang merupakan salah satu kubu pertahanan utama kaum tradisional jelas secara bertahap menerima gagasan kaum pembaharu.

Dalam kaitan pendirian NU, ada baiknya direnungkan apa yang telah ditulis oleh seorang cendekiawan piawai, seperti kelihatan dalam kutipan berikut ini:

Pada masa-masa [1920an] itu berembus kabar angin di Indonesia bahawa di Tanah Suci praktik bermazhab pun akan dilarang. Untuk mempertahankan diri dari fahaman pembaharu di negeri sendiri, serta mempertahankan praktik bermazhab tadi terhadap ajaran Wahabi yang diperkirakan mengancam, golongan tradisional Islam di Jawa memperkuat diri dengan mendirikan Nahdatul Ulama (1926). Begitulah NU menjadi tempat berhimpun di Jawa bagi kalangan mereka yang bermazhab. Jadi, kemenangan kalangan Wahabi di tanah Arab merupakan sebab langsung berdirinya NU.²⁵

Kaum tradisional yang berhasil mengkonsolidasikan diri kemudian mengambil langkah-langkah untuk lebih memantapkan tempat mereka berpijak. Mereka tidak sahaja menyatakan rasa tidak senang dengan pemerintahan Ibn Saud, bahkan juga berusaha agar kaum Muslimin Indonesia menolak ajaran Wahabi, yang erat kaitannya dengan ajaran para pembaharu Islam di Indonesia. Tambahan lagi mereka berusaha agar kaum Muslimin tidak menjalankan ibadah haji. Melihat usaha yang mereka kerjakan belum berhasil sebagaimana yang mereka harapkan, mereka kemudian mengirimkan delegasi serupa yang dikenal sebagai Komite Hijaz. Komite ini dipimpin oleh Abdul Wahab Khasbullah dan Ahmad Ghanaim al Mishry.²⁶ Mereka diterima Raja Ibn Saud pada 13 Jun 1928. Dalam pertemuan ini kedua utusan tersebut meminta agar raja mengambil langkah-langkah untuk kepentingan mazhab serta memperbaiki perjalanan haji, dan membuat hukum yang tetap di Hijaz.²⁷

Karier Mas Mansur di dalam Muhammadiyah cepat menanjak ke atas. Setelah memikul tugas sebagai ketua pengurus Muhammadiyah Cawangan Surabaya, dalam waktu tidak terlalu lama dia dilantik sebagai konsul Muhammadiyah untuk seluruh Jawa Timur. Kedudukan Mas Mansur makin bertambah mantap lagi setelah, atas saranannya, pada 1927 Pengurus Besar Muhammadiyah mendirikan Majlis Tarjih. Majlis ini berusaha membahas secara tuntas pelbagai persoalan duniawi dan ukhrawi, yang hasilnya dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bagi anggota-anggota Muhammadiyah.²⁸ Dengan kata lain, Majlis Tarjih berfungsi sebagai lembaga fatwa, sekalipun ia hanya berlaku di kalangan Muhammadiyah sahaja.

Sebagai ketua Majlis Tarjih, kebolehan Mas Mansur benar-benar teruji ketika harus berhadapan dengan seorang ulamak piawai di Minangkabau, Dr. Haji Abdul Karim Amrullah atau Dr. Haka (ayah Hamka). Dr. Haka murka besar ketika mendengar bahawa dalam Kongres Muhammadiyah ke-19 di Bukit Tinggi pada tahun 1930, Siti Rasyidah akan berbicara di hadapan rapat umum yang dihadiri pihak lelaki dan perempuan. Keadaan menjadi demikian runsingnya, kerana sikap Dr. Haka sebagai seorang ulama yang amat disegani di Minangkabau, akan menentukan berjaya atau tewasnya Kongres yang segera akan berlangsung dalam masa dua hari lagi.

Pada malam menjelang kongres dibuka, diadakanlah pertemuan antara anggota pengurus besar Muhammadiyah yang antara lain diwakili K.H. Ibrahim, K.H. Mas Mansur, dan K.H. Abdulmu'thi dengan ulama Minang yang diwakili Dr. Haka, Syeikh M. Jamil Jambek, dan Syeikh Abdul Wahab Amrullah, adik Dr. Haka sendiri. Mengenai dengan kes ini, Hamka menulis:

Yang menjadi kunci penyelesaian adalah sikap K.H. Mas Mansur. Dia tidak menunjukkan sikap menentang, tetapi sikap menuntut ilmu. Kalau beliau [Haka] mengeluarkan suatu alasan, K.H. Mas Mansur menunjukkan pula pandangan dari segi yang lain, sambil meminta pertimbangan beliau tentang yang lain itu. Pendeknya taktik yang diambil K.H. Mas Mansur ialah taktik menuntut ilmu, menunjukkan bahawa ilmunya amat kurang dalam soal itu. Padahal beliau sendiri terpaksa mengaku bahawa soal-soal bantahan dari K.H. Mas Mansur itu berdasar pula.²⁹

Akhirnya pertemuan tersebut memutuskan bahawa: “Perempuan berpidato di hadapan lelaki makruh hukumnya”. Sedangkan rancangan perempuan berpidato di hadapan lelaki di rapat umum Kongres Muhammadiyah yang segera akan berlangsung, tidak jadi dilaksanakan kerana belum sesuai dengan adat resam masyarakat Minangkabau.³⁰

Dalam Kongres Muhammadiyah ke-20 yang berlangsung di Yogyakarta pada 1937, Mas Mansur terpilih dengan suara majoriti sebagai ketua umum pengurus besar, atau pimpinan pusat, Muhammadiyah. Agar lebih memperlancar tugas yang dipikulnya sebagai ketua umum pengurus besar Muhammadiyah, Mas Mansur beserta isteri³¹ dan seluruh puteranya berhijrah ke Yogyakarta. Di tempat baharu ini beliau turut memegang tugas sebagai direktur Madrasah Muallimin Muhammadiyah di Ketanggungan.³²

Pada zaman pimpinan Mas Mansur, Muhammadiyah mengalami kemajuan yang cukup bererti, bahkan ramai pula yang memandangi jasa pengurusannya sebagai salah satu zaman keemasan Muhammadiyah. Ini nampak dari pelbagai gagasan yang bermakna yang dilontarkan Mas Mansur, yang kemudian diwujudkan dalam pelbagai aktiviti Muhammadiyah. Hal ini nampak pula dari langkah awal Mas Mansur dalam memantapkan langkah perjuangan Muhammadiyah. Program kerjanya bersifat terbuka, logik, dan terinci dirangkumkan dalam **Duabelas Langkah Muhammadiyah**.³³

Langkah Pertama adalah memperdalam penerapan iman. Panjang lebar huraian mengenai iman ini, semuanya disajikan secara logik, tanpa bias, dan cukup mapan. Huraianya dikukuhkan dengan dalil-dalil *naqli* dan *aqli*. Dengan mengutip hadis Ibn Majah ditekankan pentingnya iman yang merupakan kepercayaan di dalam hati, dan diucapkan dengan lisan, serta diamalkan dengan anggota badan. Dalam huraian penutupnya, antara lain Mas Mansur menulis: “Langkah ke-1 sampai ke-7 ini adalah langkah ilmu yang menghajatkan keterangan-keterangan. Adapun langkah ke-8 sampai ke-12 itu adalah langkah ‘*amali*’ yakni tinggal terus dipraktikkan sahaja, kerana sudah terang dan nyata”.³⁴

Dalam kedudukannya sebagai ketua pengurus besar, Mas Mansur selalu bersikap *tawadhu* dan memberikan teladan yang baik, melalui tutur kata serta perilakunya yang telah menjadi besi berani bagi warga Muhammadiyah

untuk mengikuti jejaknya. Sementara itu, pada waktu itu ada semacam dua pihak di kalangan Muhammadiyah, yaitu:

- a. Kelompok awet, yang umumnya telah beruban, dan lebih lama tampil dalam Muhammadiyah serta banyak berasal dari mereka yang dididik di pondok pesantren,
- b. Kelompok muda, yang umumnya masih muda, yang merupakan hasil langsung pendidikan sekolah-sekolah Muhammadiyah, yang menjadi salah satu manifestasi amal kerja Muhammadiyah.

Kerapian tutur kata, dan perilaku Mas Mansur dapat melenyapkan *gap* atau jurang pemisah antara kedua kubu tersebut. Keperibadian Mas Mansur yang khas ini, makin memantapkan pengaruhnya dalam Muhammadiyah yang merupakan suatu organisasi yang menekankan pentingnya pendidikan dan amal kemasyarakatan lainnya. Hal ini nampak jelas dengan makin baik dan rapinya pentadbiran yang dikelola oleh Muhammadiyah. Dapat dikatakan pula, ini merupakan pengamalan langsung dari ayat yang terpanjang dalam *al Qur'an*, seperti yang tercermin dalam Surat al Baqarah ayat 282. Pentingnya ayat ini nampak dari kata **fattaqillah** yang disebut sebanyak dua kali.

Pendekatan yang cukup luwes yang dilakukan oleh pengurus besar periode Mas Mansur telah memungkinkan pemerintah kolonial Belanda bersikap cukup "lunak" terhadap Muhammadiyah. Salah satu contohnya Muhammadiyah diizinkan "mengeluarkan" setem amal. Maksudnya Muhammadiyah boleh menambah beberapa sen pada harga penjualan tiap setem yang telah diberi tanda setem amal. Wang yang berlebih itu kemudian dipergunakan untuk keperluan membangun tempat ibadah, gedung sekolah, rumah sakit, poliklinik, rumah anak-anak yatim, serta untuk pelbagai usaha sosial lainnya yang dikelolakan Muhammadiyah.

Dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan ibadah *mahdhah*, atau ibadah dalam arti sempit seperti salat, nampaknya Muhammadiyah secara mantap menunjukkan *sibghah* atau celupan Islamnya. Ini nampak sekali ketika pada tahun 1938 Muhammadiyah menentang pelaksanaan cukai menyembelih haiwan pada setiap Hari Raya Korban. Selanjutnya, Muhammadiyah menuntut agar pajak tersebut dihapuskan. Tuntutan tersebut akhirnya dikabulkan oleh pemerintah Hindia Belanda. Muhammadiyah juga bertegas menentang rancangan pemerintah Hindia Belanda melaksanakan ordinan perkahwinan bagi umat Islam. Kemudian sebagai anggota Majelis Islam A'la Indonesia MIAI, Muhammadiyah menyokong tuntutan Gabungan Politik Indonesia GAPI, agar pemerintah Hindia Belanda membentuk parlimen di Indonesia.³⁵

Selain berjuang melalui Muhammadiyah, Mas Mansur juga turut berperanan dalam pergerakan kebangsaan-Islam lainnya, termasuk gerakan

kebangsaan-sekular. Sebagai contoh, Mas Mansur turut membidani lahirnya MIAI pada tahun 1937. Tokoh ini juga berperanan aktif ketika MIAI berubah menjadi Masyumi (Majlis Syura Muslimin Indonesia) pada masa pendudukan Jepun. Bahkan Mas Mansur menjadi salah seorang di antara empat serangkai yang memimpin Putera (Pusat Tenaga Rakyat), organisasi yang didirikan penjajah Jepun pada 9 Mac 1943.³⁶ Tugas yang dipikul Mas Mansur dinilai cukup positif oleh salah seorang pemimpin nasionalis-sekular yang pernah memegang kedudukan penting pada masa pemerintahan Sukarno:

Di zaman Jepun, Muhammadiyah dengan tokoh K.H. Mas Mansur yang bersama-sama dengan Bung Karno, Bung Hatta dan Ki Hajar Dewantara merupakan empat serangkai, dapat memberi pimpinan dan arah kepada umat Islam Indonesia yang pada waktu itu mengalami penekanan dari militerisme Jepun.³⁷

Dalam masalah ini menarik pula untuk dikaji huraian yang ditulis oleh Deliar Noer mengenai peranan Mas Mansur:

Pengangkatan K.H.M. Mansur dari Muhammadiyah sebagai salah seorang anggota Empat Serangkai merupakan perkembangan unik dalam sejarah pergerakan kemerdekaan Indonesia. Seperti kita ketahui, Muhammadiyah dalam masa jajahan Belanda lebih banyak memberikan perhatian kepada soal-soal sosial dan pendidikan, walaupun benar bahawa banyak di antara tokoh-tokohnya berafiliasi dengan Sarekat Islam dan kemudian PSII. Kedudukan Kiai Mansur dalam Empat Serangkai merupakan juga pengakuan kalangan nasionalis serta pihak Jepang [Jepun] tentang pentingnya kedudukan umat Islam umumnya dalam dunia politik Indonesia. Dan masuknya Kiai Mansur dalam Empat Serangkai mungkin pula bisa [boleh] dilihat sebagai promosi pertama dan utama dan umat Islam dalam masa pendudukan Jepang [Jepun] itu.³⁸

Yang patut diteladani dari tokoh ini, selain kehidupan sederhana dan keperibadiannya yang mempesona, Mas Mansur memiliki komitmen yang tinggi untuk mengabdikan diri kepada Muhammadiyah. Hal ini dapat dibuktikan misalnya pada waktu pemerintah Hindia Belanda hendak membentuk Mahkamah Tinggi Islam; pilihan untuk duduk menjadi ketua jatuh kepada Mas Mansur. Tetapi beliau menolak dengan alasan merasa lebih cinta kepada Muhammadiyah. Padahal jawatan tersebut jelas mempunyai martabat yang cukup tinggi, disamping memberi gaji yang besar, sekitar 600 gulden. Tetapi beliau lebih mantap memilih menjadi pengetua Madrasah Muallimin Muhammadiyah di Ketanggungan dengan gaji ala kadarnya. Mas Mansur lebih senang sebagai pengurus besar Muhammadiyah walaupun

dengan tiada peruntukan yang bererti.

Sekalipun telah sarat dengan berbagai muskilah yang harus diselesaikan sebagai pimpinan tertinggi Muhammadiyah, Mas Mansur masih aktif dalam menanggapi berbagai isu semasa. Contohnya memberi jawapan terhadap pelbagai cabaran terhadap Islam yang dilakukan oleh mereka yang tak bertanggungjawab serta tidak memahami Islam. Umpamanya penghinaan yang ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang terdapat dalam artikel yang ditulis oleh J.J. Ten Berge, seorang pastor dari Muntilan dalam majalah *Studien* (April 1931),³⁹ dan tulisan Oei Bee Thay dalam harian *Hoakiau* (25 April 1931).⁴⁰ Kaum Muslimin memberikan reaksi cukup keras, antara lain dengan mengadakan pertemuan-pertemuan umum di pelbagai tempat.⁴¹

Mengingat serangan-serangan demikian mungkin akan berulang lagi,⁴² Mas Mansur mengambil inisiatif untuk mendirikan klub debat, yang dikenali sebagai **Islam Studie Club** yang antara lain bertujuan: a) menjembatani jurang yang memisahkan kaum intelektual Muslim dengan masyarakat Muslim awam; b) memperkaya pengetahuan para pesertanya tentang Islam; c) memperlancar kerja sama antara kaum intelektual Muslim dengan masyarakat Muslim awam bagi kepentingan Islam. Pada awalnya **Islam Studie Club** lebih menekankan programnya dalam bentuk dialog antara kaum ulama dengan kaum intelektual Islam yang terdidik secara Barat.⁴³

Saat GAPI (Gabungan Politik Indonesia)⁴⁴ terbentuk, Mas Mansur juga terpilih menjadi salah seorang pemimpinya. Tapi yang lebih menarik untuk dikaji, adalah saat pelbagai tokoh dari beraneka ragam organisasi agama, politik, dan sosial yang sama berkumpul di Yogyakarta untuk membentuk Majelis Rakyat Indonesia. Selanjutnya dikatakan atas usul Sukardjo Wirjopranoto dari Partai Indonesia Raya, mereka sama sepakat untuk memilih Mas Mansur sebagai ketuanya. Beliau terpilih sebagai ketua dengan dukungan 80% suara. Hanya sahaja Mas Mansur menolak, kerana merasa tidak mampu memikul dua tugas sekali gus. Beliau hanya ingin meneruskan khidmatnya sebagai ketua pengurus besar Muhammadiyah.⁴⁵ Dalam penolakannya Mas Mansur telah memberikan alasan yang membuat para pemilihnya sama-sama memahaminya:

Due to the importance of this Madjlis Rakjat Indonesia, I should have abided with the result of the voting which had elected me as its chairman. But when I come to think about Muhammadiyah ... then I come to realize that I still love this "old girl" (mbok tua) as I have always loved her since the days when she was young.⁴⁶

Sekarang ini, rasanya makin sulit untuk menemui seorang yang benar-benar ingin mengabdikan dengan ikhlas sebagaimana yang dilakukan Mas Mansur. Wajarlah bila dalam tiap Kongres Muhammadiyah berikutnya, baik yang berlangsung di Malang, Medan, mahupun Yogya, semua utusan

sepakat memilih beliau kembali sebagai ketua pengurus besar Muhammadiyah.⁴⁷

Apabila jawatan sebagai ketua pengurus besar Muhammadiyah mulai diserahkan oleh Mas Mansur pada Ki Bagus Hadikusumo pada 1943, sewaktu beliau masih aktif di dalam Poetera. Atas alasan kesihatan, mulai tahun 1944 Mas Mansur mulai mengundurkan diri dari gelanggang politik. Kesihatannya makin mundur kerana konflik batin yang tak pernah berjaya diatasinya, terutama pengalaman beliau pada masa penjajahan Jepun. Lebih-lebih lagi setelah pemerintah pendudukan Belanda selama revolusi fisik memperlakukan dirinya sewenang-wenang. Dalam keadaan sakit Mas Mansur masih ditahan, dianiaya, sementara kekuatan Republik Indonesia saat itu belum banyak dapat berbuat apa-apa.

Dalam suasana hiruk pikuk mempertahankan proklamasi 17 Ogos 1945, yang berjaya dikumandangkan pada Jum'at pagi hari dan pada bulan puasa, kesihatan Mas Mansur makin kritis. Akhirnya pada 24 April 1946, Mas Mansur, salah seorang putera terbaik Indonesia yang sempat memimpin Muhammadiyah sebagai ketua pengurus besar, menghembuskan nafas yang penghabisan tanpa sempat merasakan manisnya buah kemerdekaan yang berpuluh tahun diperjuangkan beliau dengan suka dan dukanya.

PENUTUP

Dari huraian di atas, terserlah peranan K.H. Mas Mansur yang cukup berjaya meniti jejantas Nasionalis-Islam dan Nasionalis-Sekular. Tokoh ini mampu melakukan peranan yang dipikulnya secara mantap, kerana al Qur'an telah menjadi obor bagi setiap detik kehidupan peribadinya, baik sebagai warga masyarakat biasa mahupun sebagai seorang pemimpin. Cogan Mas Mansur pada awal tulisan ini, diambil dari ayat pungkasan huraian beliau ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri, yang bertajuk "Setelah Melalui Latihan dan Ujian". Huraian tersebut pada hakikatnya senafas dengan Qur'an Surah al Baqarah ayat 214.⁴⁸

Selain seorang pentadbir dan pemimpin pertubuhan Muhammadiyah yang ulung, Mas Mansur adalah seorang pemikir yang piawai. Kepiawaian Mas Mansur dalam membentangkan tafsir al Qur'an diakui serba keunggulannya oleh Prof. Dr. A. Mukti Ali, seorang yang pernah menjadi Menteri Agama Republik Indonesia. Tokoh ahli ilmu perbandingan agama ini sangat tersentuh dengan tafsir ayat al Qur'an yang dibentangkan Mas Mansur:

Biasanya beliau [Mas Mansur] menulis satu ayat Al-Qur'an di papan tulis, lalu dihuraikan ertinya dari segi bahasanya, lalu ditafsirkan dari segi filsafat, sejarah, hukum, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya, dengan mengingat situasi dan kondisi dalam jaman

*penjajahan akhir fasisme Jepang [Jepun]. Dengan itu mahasiswa dapat memahami Al Qur'an secara utuh. Ini adalah suatu inovasi dalam metode mengajar Islam, yang hingga sekarangpun — setelah 42 tahun kita tidak tahu mana perguruan tinggi Islam yang mencontoh metode Mansur dalam mengajar agama Islam itu.*⁴⁹

Dengan pelbagai keterbatasan yang ada, penerokaan lebih lanjut mengenai pemikiran Mas Mansur sangat penting untuk diberi perhatian yang khusus.

NOTAKAKI

¹ Sayangnya gerakan ini kemudian menjadi konservatif setelah tokoh utamanya Syekh Ahmad Surkati diabaikan. Tokoh inilah yang membidani lahirnya gerakan al Irsyad al Islamiyah.

² Istilah ini seperti istilah nasionalis-sekular, mula-mula diperkenalkan oleh Endang Saifuddin Anshari dalam tesis M.A.nya yang diterbitkan iaitu *Piagam Jakarta 22 Juni 1945*, (Bandung: Pustaka, 1981).

³ Ahmad Shafii Maarif, *Islam dan Masalah Kenegaraan: Studi Tentang Percatutan Dalam Konstituante*, (Jakarta: LP3ES, 1987), hlm. 90-91.

⁴ G.F. Pijper, *Beberapa Studi Tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*, (alih bahasa Tudjimah dan Yessy Augustin), (Jakarta: UI Press, 1985), hlm. 105.

⁵ Soebagijo menuliskan nama ayah K.H. Mas Mansur sebagai Kiai Akhmad Marzuki. Lihat selanjutnya tulisan Soebagijo I.N. bertajuk *K.H. Mas Mansur Pembaharu Islam di Indonesia*, (Jakarta: Gunung Agung, 1982), hlm. 18.

⁶ K.H. Mas Mansyur, "Kyai Haji Ahmad Dahlan", *Adil*, No. 48, Th. VI, 3 September 1938. Dikutip dari Amir Hamzah W., (Ed.), *K.H. Mas Mansyur Pemikiran tentang Islam dan Muhammadiyah*, (Yogya: Hanindita, 1986), hlm. 172.

⁷ Soebagijo, *op.cit.*, hlm. 19.

⁸ *Ibid.*

⁹ Manfred Ziemek, *Pesantren dalam Perubahan Sosial*, [alih bahasa Butche B. Soendjojo], (Jakarta: P3M, 1986), hlm. 80.

¹⁰ P.K. Hitti, *History of the Arabs*, (London: Macmillan & Co. Ltd., 1953), hlm. 755.

¹¹ A.S. bin Salamon, *Azhar and Politics*, Kuala Lumpur: al Rahmaniah, 1988, hlm. 28.

¹² Kutipan di atas yang telah disesuaikan dengan EYD, diambil dari A. Mukti Ali, *Pemberontakan Ahmad 'Urabi dan Perdjoangan Konstitusi di Mesir dan Gerakan Imam Mahdi di Sudan*, (Yogja: Nida, 1969, hlm. 23. Awalnya tulisan mengenai Mesir ini dimuat dalam *Gema Islam*, No. 54 dan 55, 1964; sedang tulisan mengenai Imam Mahdi pernah dimuat dalam *Gema Islam*, No. 58 dan 59, 1964.

¹³ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (New Haven: Yale University Press, 1967), hlm. 254.

¹⁴ Soebagijo, *op.cit.*, hlm. 22.

¹⁵ Soebagijo I.N., *K.H. Masykur*, (Jakarta: Gunung Agung, 1982), hlm. 18.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 20.

¹⁷ Saifuddin Zuhri, *Sejarah Kebangkitan Islam dan Perkembangannya di Indonesia*, (Bandung: Al Maarif, 1979), hlm. 606; dan Slamet Effendy, dkk, *Dinamika Kaum Santri Menelusuri Jejak dan Pergolakan Internal NU*, (Jakarta: Rajawali, 1983), hlm. 7-9.

¹⁸ Dari temubual penulis dengan salah seorang siswi K.H. Ahmad Dahlan, almarhumah Puan Badilah Zuber, dikatakan Mas Mansur menjadi pengikut Muhammadiyah kerana kerajinan K.H.Z. Dahlan bersilaturrahi ke rumah Mas Mansur, dan berhasil meyakinkan tentang perlunya Mas Mansur bergabung dalam Muhammadiyah.

¹⁹ Deliar Noer, *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*, [alih bahasa pengarangnya], (Jakarta: LP3ES, 1980), hlm. 246-7.

²⁰ Budi Utama didirikan di Jakarta pada 20 Mei 1908 oleh Dokter Soetomo semasa dia masih menjadi penuntut di Sekolah Dokter Jawa (Stovia).

²¹ Amir Hamzah (ed.), *op.cit.*, hlm. 62. Bagi mereka yang ingin mengkaji lebih jauh riwayat hidup Dokter Soetomo, antara lain dapat membaca tulisan Paul W. Van der Veur (ed.), *Kenang-kenangan Dokter Soetomo*, (Jakarta: Sinar Harapan, 1984).

²² Mereka berdua berangkat pada 2 Maret 1926 dari Surabaya, dan beroleh sambutan hangat dari masyarakat muslim yang datang berbondong-bondong untuk mengantarkannya. Ketika kapal singgah di Tanjung Priok, para pemimpin Islam Jakarta datang ke pelabuhan. Bahkan R.A. Kern dan beberapa pegawai dari *Kantoorvoor Inlandsche Zaken* datang khusus untuk menemui H.O.S. Tjokroaminoto dan Mas Mansur. Kern beserta stafnya menghimbau agar mereka berdua tidak ragu-ragu minta bantuan pada Konsul Belanda di Jeddah, Van der Plas. Sekalipun demikian, sesampainya di Jeddah mereka hanya menyempatkan diri mengunjungi Van der Plas yang lama telah dikenalnya di Indonesia. Selanjutnya lihat H.A. Suminto, *Politik Islam Hindia Belanda*, (Jakarta: LP3ES, 1985), hlm. 88.

²³ Mas Mansur, "Maksud dan Tujuan Majlis Islam `Ala Indonesia", *Medan Islam*, April 1939, dikutip dari Amir Hamzah, *op.cit.*, hlm. 113.

²⁴ Yusuf, *op.cit.*, hlm. 18-9.

²⁵ Deliar Noer, *Partai Islam di Pentas Nasional*, (Jakarta: Temprint, 1987), hlm. 14.

²⁶ Mungkin karena kesukaran mendapatkan tiket untuk waktu yang sama, Kiai Abdul Wahab berangkat pada 29 Mac 1928, sedang Ustaz Ahmad al Ghanaim berangkat seminggu kemudian, iaitu pada 5 April 1928.

²⁷ Selanjutnya lihat Noer, *Gerakan ...*, hlm. 244-6.

²⁸ Soebagijo, *op.cit.*, hlm. 32.

²⁹ Hamka, *Ayahku*, (Jakarta: Umminda, 1982), hlm. 182.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 187-189.

³¹ Mas Mansur dalam usia 20 tahun telah menikah dengan Siti Zakiyah, dan pada masa memegang jawatan ketua pengurus besar Muhammadiyah beliau telah dianugerahi enam orang anak.

³² Soebagijo, *op.cit.*, hlm. 32.

³³ Secara terperinci dan utuh dua belas langkah ini benar-benar mampu menyentuh seluruh anggota dan pengurus Muhammadiyah. Mereka yang ingin mengkajinya secara menyeluruh seyogianya membaca *Buku Tafsir Langkah Muhammadiyah*, (Djogja: HB Muhammadiyah Majlis Taman Pustaka, 1939).

³⁴ Amir Hamzah, *op.cit.*, hlm. 223.

³⁵ Sutrisno Kutoyo, *Kiai Haji Ahmad Dahlan*, (Jakarta: Depdikbud, 1985), hlm. 159.

³⁶ Tentang peranan ganda Putera dapat dikaji antara lain dari karya klasik George McTurnan Kahin, *Nationalisme dan Revolusi di Indonesia*, [terjemahan Ismail bin Muhammad dan Zaharom bin Abdul Rashid], (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), hlm. 132-134.

³⁷ Roeslan Abdulgani, "Peranan Muhammadiyah dalam Perjuangan Bangsa", *Warta Perguruan Tinggi Muhammadiyah*, Edisi No. 3/Th. III/September 1988.

³⁸ Deliar Noer, *op.cit.*, hlm. 23.

³⁹ Dalam artikel tersebut Berge melukiskan Muhammad sebagai "seorang Arab yang bodoh" yang "kehidupannya senantiasa dalam pelukan wanita".

⁴⁰ Dalam harian Cina yang menggunakan bahasa Melayu, Oei Bee Thay antara lain menggambarkan Muhammad sebagai seorang yang hampir membunuh diri dan meninggal dalam keadaan gila.

⁴¹ Alfian, *Muhammadiyah*, (Yogya: Gadjah Mada University Press, 1989), hlm. 323.

⁴² Terbukti pada sekitar sepuluh tahun kemudian, lahirlah artikel yang ditulis Sitti Sumandari dalam majalah tengah bulanan *Bangun* (15 Oktober dan 1 Nopember 1937), yang melukiskan Muhammad S.A.W. sebagai tua bangka, pezina, bengis, pemaksa dan penggemar wanita muda. Lihat Djarnawi Hadikusuma, *Aliran Pembaharuan Islam dari Jamaluddin al Afghani sampai K.H.A. Dahlan*, (Yogya: Persatuan, [tanpa tahun]), hlm. 87. Atau tulisan yang dimuat dalam *De Christelijke Onderwijzer* (13 Oktober 1940) dan *De Banier* (7 November 1940) yang melahirkan reaksi keras dari kalangan umat Islam. Lihat selanjutnya Deliar Noer, *Gerakan ...*, hlm. 169.

⁴³ Alfian, *op.cit.*, hlm. 333.

⁴⁴ Tujuan GAPI ialah menyatukan semua partai politik Indonesia, dengan dasar hak mengatur diri sendiri, kesatuan kebangsaan yang meliputi seluruh rakyat Indonesia, serta dalam hal politik bersendikan demokrasi. Lihat selanjutnya A.K. Pringgodigdo, *Sejarah Pergerakan Rakyat Indonesia*, (Jakarta: Dian Rakyat, 1980), hlm. 144-150.

⁴⁵ Soebagijo, *K.H. Mas Mansur ...*, hlm. 46 & 54.

⁴⁶ Alfian, *op.cit.*, hlm. 337.

⁴⁷ Djarnawi Hadikusuma, *op.cit.*, hlm. 96.

⁴⁸ C.F. Hamka, *Tafsir al Azhar*, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1983), Juz I dan II, hlm. 187-189.

⁴⁹ A. Mukti Ali, "Metodologi Ilmu Agama Islam", Taufik Abdullah dan M. Rusli Karim (eds.), *Metodologi Penelitian Agama*, Sebuah Pengantar, (Yogya: Tiara Wacana, 1989), hlm. 50.